

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Kelayakan</b>
1.	Saintis (Gred 10 – Jawatan Tetap) Institut Farmaseutikal & Nutraseutikal Malaysia)	Deskripsi Tugas: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengurus, memantau dan menyelia aktiviti-aktiviti <i>Good Manufacturing Practice (GMP) Plant</i>.</li> <li>2. Meneliti mesin &amp; peralatan yang dibeli, spesifikasinya memenuhi keperluan <i>GMP (GMP Compliance)</i>.</li> <li>3. Memantau &amp; menyelia aktiviti pendaftaran produk-produk farmaseutikal, <i>over the counter (OTC) drugs</i>, Tradisional &amp; kosmetik kepada <i>National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA)</i>.</li> <li>4. Memantau prestasi projek di bawah seliaan serta menyediakan laporan kemajuan aktiviti penyelidikan untuk dikemukakan kepada Pengarah Eksekutif atau Pengarah Penyelidikan.</li> <li>5. Membina rangkaian penyelidikan dalam dan luar negara.</li> <li>6. Membimbing, memberi latihan, dan menyelia kakitangan teknikal institut serta pelajar dalam teknik-teknik dan teknologi penyelidikan.</li> </ol>

Kelayakan dan pengalaman:

1. Warganegara Malaysia;
2. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang farmaseutikal atau bidang yang berkaitan;
3. Mempunyai tidak kurang dari 5 tahun pengalaman dalam melaksanakan dan menguruskan aktiviti serta fasiliti *Good Manufacturing Practice (GMP)*.
4. Mempunyai pengalaman dalam aktiviti pendaftaran produk-produk farmaseutikal dan penjagaan kesihatan;
5. Berdaftar sebagai Ahli Farmasi;
6. Mempunyai pengalaman dalam bidang industri adalah satu kelebihan.

Calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, serta salinan sijil-sijil berkaitan kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,  
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**

Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,  
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),  
d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.

Tel : 03-8949 5687

Emel : [recruitment@nibm.my](mailto:recruitment@nibm.my)

Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan: **2 September 2019**